GSMfsr

GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

Edisi "Versatility"



- **Batik Merbok Di Konvensyen Pembangunan Dan Kesejahteraan Rakyat**
  "Pembangunan Madani, Rakyat Disantuni"
  Penulis:
  Normaziana Hassan dan Juaini Jamaludin

- **KPSK UiTM Kedah ke Jepun**
  Penulis:
  Suhaiza Hanim Suroya, Dr Wan Noor Faaizah Wan Omar, Dr Hasnul Azwan Azizan & Abu Hanifa Ab. Hamid





- **Sirih Junjung Sebuah Keindahan Seni Kreatif Dalam Perkahwinan Melayu Moden**
  Penulis:
  Asrol Hasan

- **Program Aktiviti Kreatif:** *"Grooming Artistic Talents Through Sharing"*
  Penulis:
  Abu Hanifa Ab.Hamid, Fadila Mohd Yusof, Zaidi Yusoff dan Shuhaila Md Shahid



ISSN 2637-028X

kandungan

BULETIN GM | EDISI "VERSATILITY"



Laporan Galeri

02 BATIK MERBOK & BLACK N RED LIVE STUDIO TABLE TALK SHOW GRAND FINALE MUSIM 01 EP 05 | SENI BATIK WARISAN UTARA
Penulis:
Ts. Normaziana Hassan & Shuhaila Md Shahid

03 BATIK MERBOK BERSAMA KOMUNITI DI DAERAH BALING
Penulis:
Shuhaila Md Shahid & Ts. Normaziana Hassan

04 PROGRAM SEMARAK SISWA MADANI:
BENGKEL BATIK MERBOK "APA ITU BATIK"
Penulis:
Ts. Normaziana Hassan & Shuhaila Md Shahid

05 BATIK MERBOK DI KONVENSYEN PEMBANGUNAN DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT
"Pembangunan Madani, Rakyat Disantuni"
Penulis:
Ts. Normaziana Hassan & Juaini Jamaludin

07 BATIK BLOK KEUNIKAN DAN KEBANGGAAN BATIK MERBOK
Penulis:
Shuhaila Md Shahid

08 BATIK MERBOK MERIAHKAN ARTS YOUNG "PRENEUR FIESTA 2022"
Penulis:
Pn. Normaziana Hassan & Shuhaila Md Shahid



Versatility

10 CEO TALK: SESI SATU
Penulis:
Izza Syahida Binti Abdul Karim & Abu Hanifa Bin Ab. Hamid

12 CEO TALK: SESI DUA
Penulis:
Izza Syahida Binti Abdul Karim & Abu Hanifa Bin Ab. Hamid

14 BRIDGING THE GAP: EQUIPPING GRAPHIC ARTS STUDENTS FOR SUCCESS THROUGH INDUSTRY-RELEVANT DIGITAL PLATFORMS
Penulis:
Dr. Shafilla Subri

16 CETUSAN VISUAL:
POTENSI TEKS KE IMEJ DALAM SENI REKA PERINDUSTRIAN
Penulis:
Mohd Hamidi Adha Mohd Amin

18 VERSATILITI DI KALANGAN OKU
Penulis:
Mohd Syazrul Hafizi Husin & Anita Abu Hassan

19 UNLEASHING CREATIVITY AND EMPOWERING GROWTH:
THE POSITIVE IMPACT OF HYBRID LEARNING ON GRAPHIC AND DIGITAL MEDIA STUDENTS
Penulis:
Dr. Shafilla Subri

21 PENILAIAN AKHIR SUBJEK TIPOGRAFI SEMESTER 02 (MAC – OGOS 2023)
Penulis:
Dr. Faryna Mohd Khalis

22 REKA BENTUK PERABOT BERINSPIRASIKAN ALAM SEMULAJADI:
PENGGUNAAN PERISIAN 3D DALAM SENI REKA PERINDUSTRIAN
Penulis:
Ahmad Fazlan Ahmad Zamri

23 CEZANNE@KPSK
Penulis:
Mohd Zamri Azizan

24 THE BEAUTY OF ISLAMIC ART
Penulis:
Mohamat Najib Mat Noor

26 3D PRESENTATION
Penulis:
Muhamad Aiman Afiq Mohd Noor

27 SIRIH JUNJUNG SEBUAH KEINDAHAN SENI KREATIF DALAM PERKAHWINAN MELAYU MODEN
Penulis:
Asrol Hasan

29 KPSK UiTM KEDAH KE JEPUN
Penulis:
Suhaiza Hanim Suroya, Dr. Wan Noor Faaizah Wan Omar, Dr. Hasnul Azwan Azizan & Abu Hanifa Ab Hamid

31 ADAPTASI SENI KRAF DALAM REKA BENTUK PERABOT MODEN
Penulis:
Asrol Hasan

33 SIMULASI TEMUDUGA PELAJAR IJAZAH SARJANA MUDA SENI REKA PERINDUSTRIAN: PEMANTAPAN KAEDAH DAN CARA MENJAWAB SOALAN TEMU DUGA
Penulis:
Fadila Mohd Yusof & Abu Hanifa Bin Ab. Hamid

34 PROGRAM AKTIVITI KREATIF:
"GROOMING ARTISTIC TALENTS THROUGH SHARING"
Penulis:
Abu Hanifa Ab.Hamid, Fadila Mohd Yusof, Zaidi Yusoff & Shuhaila Md Shahid



Galeri Seni Merbok

"Versatility"

Alhamdulillah Buletin Galeri Seni Merbok kembali dengan Edisi "Versatility" bagi bulan Januari hingga Oktober 2023. Pembelajaran secara bersemuka telah dijalankan semula. Sesi hybrid juga telah dikelolakan oleh Universiti Teknologi MARA bagi memenuhi keperluan university seiring dengan keperluan semasa. Oleh yang demikian, Galeri Seni Merbok, Kolej Pengajian Seni Kreatif UiTM Cawangan Kedah telah menerima banyak jemputan bagi mempergiatkan lagi pendedahan program-pragram di dalam Kolej Pengajian Seni Kreatif di UiTM Kedah serta Batik Merbok.

Sehubungan dengan itu, Kolej Pangajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Kedah turut serta dalam program-program terutama berbentuk ilmiah, penglibatan akademik yang mendapat anugerah di dalam pertandingan bertaraf antarabangsa dan terus maju dalam mencari ruang bagi memperkasakan Kolej Pangajian Seni Kreatif.

Diharap agar Kolej ini beroleh kejayaan yang berterusan di masa-masa akan datang dan semoga bahan penerbitan ini mampu dimanfaatkan oleh seluruh warga kampus UiTM Cawangan Kedah.

SIDANG REDAKSI

Penasihat
Prof. Dr. Roshima Haji Said

Penasihat I
Dr. Nurul 'Ayn Ahmad Sayuti

Ketua Editor
Izza Syahida Abdul Karim

Editor
Juaini Jamaludin

Reka Letak Grafik
Syahrini Shawalludin


Laman Sesawang
Khairul Wanis Ahmad

Penerbit
Galeri Seni Merbok

Cetakan
Perpustakaan Sultan Badlishah

Penulis
Izza Syahida Abdul Karim
Normaziana Hassan
Shuhaila Md. Shahid
Dr. Shafilla Subri
Abu Hanifa Ab. Hamid
Mohd Hamidi Adha Mohd Amin
Mohd Syazrul Hafizi Husin
Anita Abu Hassan
Dr. Faryna Mohd Khalis
Ahmad Fazlan Ahmad Zamri
Mohd Zamri Azizan
Mohamat Najib Mat Noor
Muhamad Aiman Afiq Mohd Noor
Asrol Hasan
Suhaiza Hanim Suroya
Dr. Wan Faaizah Wan Omar
Dr. Hasnul Azwan Azizan
Fadila Mohd Yusof
Zaidi Yusoff

Versatility



CEO TALK: SESI DUA

Penulis:
Izza Syahida Binti Abdul Karim & Abu Hanifa Bin Ab. Hamid


Jabatan Seni Reka Perindustrian, Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Kedah telah menganjurkan program Pengajaran Kolaboratif CEO Talk: Guide to Entrepreneurship bagi semester Oktober 2022 – Februari 2023 yang lepas. Program yang diadakan secara bersemuka ini bertempat di Foyer Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Kedah dan telah berlangsung secara dua sesi yang berasingan. Program diadakan pada hari Ahad, 8 & 15 Januari 2023, 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari. Tujuan program Pengajaran Kolaboratif ini diadakan adalah yang secara tidak langsung untuk memudah cara pengajaran, mendidik, membimbing dan berkongsi pengalaman rakan-rakan dari industri bersama para pelajar bagi memperkasa pengetahuan dan pembelajaran kendiri pelajar bersama beberapa rakan industri ini.

Program ini melibatkan 3 orang rakan jemputan dari dua industri. Rakan industri yang pertama merupakan Pengasas dan Chief Executive Officer (CEO) dari MUULK Holdings Sdn Bhd., iaitu Encik Megat Azim Jamil. Beliau merupakan pengeluar barangan makanan dan minuman tenusu dari ladang yang dimilikinya sendiri. Manakala, rakan industri yang kedua merupakan adik beradik yang juga rakan kongsi bagi syarikat DEJUAMON Design, Cik Noor Azura Abd Rahim dan Cik Noor Azliza Abd Rahim, merupakan Pengasas serta CEO bagi syarikat tersebut. DEJUAMON Design adalah syarikat reka bentuk perabot serta rekaan dalaman dari Pulau Pinang. Seramai 25 orang pelajar terlibat dalam Pengajaran Kolaboratif ini, merupakan pelajar tahun akhir Jabatan Seni Reka Perindustrian yang mengambil kursus IDT318 – Presentation for Commercialization.






Program ini merupakan salah satu dari keperluan bagi silibus pelajar bagi melengkapkan diri pelajar dengan asas keusahawanan serta persediaan bagi mencari peluang pekerjaan serta menonjolkan kemahiran dan pencapaian pelajar. Objektif utama program Pengajaran Kolaboratif bersama beberapa rakan industri ini bertujuan untuk menghasilkan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam meningkatkan pengetahuan pelajar terutama dalam melahirkan usahawan di kalangan pelajar bidang seni reka perindustrian di Malaysia bersama penceramah dari industri yang juga merupakan Alumni dari UiTM serta Open University Malaysia (OUM). Program ini juga dapat melihat dan menilai keberkesanan kolaboratif dari segi pengajaran dalam meningkatkan pengetahuan pelajar terutama dalam seni reka perindustrian, terutamanya di Malaysia. Program ini juga diharap dapat melibatkan pelbagai strategi perkongsian ilmu yang bukan sahaja menekankan penguasaan kandungan dan idea semata-mata, tetapi juga menggabungkan kemahiran yang sedia ada pada pelajar melalui pendekatan keusahawanan yang efisien dari sudut industri.




Sesi kedua CEO Talk: Guide to Entrepreneurship berlangsung pada 15 Januari 2023 bertempat di Foyer KPSK. Pihak jabatan telah menjemput rakan kongsi, Pengasas dan juga Chief Executive Officer (CEO) dari DEJUAMON Design, iaitu Cik Noor Azura Abd Rahim dan Cik Noor Azliza Abd Rahim ke KPSK UiTM Kedah bagi memberikan maklumat serta pengetahuan tentang cara menggunakan kemahiran yang telah dipelajari di universiti bagi membuka peluang pekerjaan bagi para pelajar. Mereka juga berkongsi pengalaman mengenai cara mengendalikan syarikat bagi memastikan bidang industri yang diceburi itu berjaya. DEJUAMON Design juga memberi peluang kepada pelajar seni reka perindustrian untuk membuat latihan praktikal. Selain dari itu, mereka juga memberikan tips serta makluman mengenai kepentingan dalam komunikasi dan kesefahaman sebagai usahawan terutama yang mempunyai rakan kongsi, yang mana faktor ini juga penting bagi memastikan potensi perniagaan ke arah yang maksimum.





Jabatan Seni Reka Perindustrian, Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Kedah amat berbesar hati atas kehadiran rakan-rakan industri ini bagi para pelajar tahun akhir Seni Reka Perindustrian. Semoga dengan maklumat yang telah disampaikan oleh mereka kepada para pelajar, pihak KPSK mengharapkan agar Pengajaran Kolaboratif CEO Talk: Guide to Entrepreneurship ini dapat diteruskan lagi di masa akan datang bagi memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada para pelajar mengenai manfaat keusahawanan serta mencetus semangat untuk terus berusaha agar cemerlang dalam pencapaian akademik dan juga bersifat versataliti.







GSMfSr

GALERI SENI MERBOK UITM KEDAH

ISSN 2637-028X



